



DEMI ILMU...pelajar adalah aset paling berharga bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negara, justeru transformasi yang dilakukan perlulah menitikberatkan kepentingan ilmu dalam kehidupan.



DEDIKASI...guru perlu tunjukkan keikhlasan untuk memikul tanggungjawab, sekaligus menjadikan kerjaya berkenaan sebagai wadah untuk melahirkan generasi terdidik pada masa depan.



KONDUSIF...suasana pembelajaran lebih kondusif antara keperluan yang dijangka dipertingkatkan bagi memastikan kelangsungan ilmu berjalan lancar.



FOKUS

>>Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

MELANGKAH era baru penuh cabaran, sektor pendidikan negara juga bergerak seiring bagi menjadikannya lebih proaktif, dinamik, profesional serta menepati standard global.

Apatah lagi dengan pelbagai sasaran ditetapkan bagi melahirkan pelajar dan institusi yang bukan saja cemerlang akademik malah memenuhi kriteria prestasi

Kajian ambil kira suara rakyat

Lonjak prestasi pencapaian pendidikan negara sedia ada menjelang tempoh sasaran pada 2025

tinggi, menjadikan sektor pendidikan negara perlu berdepan perubahan besar.

Pengenalan Kajian Semula Pendidikan juga satu cara sektor pendidikan negara

melonjakkan lagi tahap sedia ada ke satu peringkat boleh dibanggakan.

Justeru, apakah jangkaan terhadap sektor pendidikan negara apabila pengenalan ini

dilaksanakan dalam tempoh sasaran?

Felo Penyelidik Utama Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia yang juga ahli panel

Dialog Nasional Pendidikan Negara, Profesor Dr Teo Kok Seong berkata, menerusi Kajian Semula Pendidikan, dunia pendidikan negara dijangka melonjakkan

lagi profesionalisme serta pencapaian dalam dua aspek utama iaitu perkembangan kecendekiawanan serta pembangunan insaniah pelajar.

Beliau berkata, dua aspek itu nadi terhadap kecemerlangan pelajar, sekali gus melahirkan bangsa yang mempunyai jati diri kukuh.

"Ini adalah masa paling tepat bagi melakukan perubahan kerana pelajar kita akan berdepan persaingan global serta transformasi alaf baru dunia pendidikan yang serba pantas.

"Penekanan terhadap dua aspek itu antara paling utama

AKSES... pelbagai penambahbaikan akan dilakukan bagi memudahkan pelajar mengakses ilmu tanpa batasan, sekali gus menjadikan mereka generasi bermaklumat.

LONJAKAN PENCAPAIAN... usaha berterusan perlu dilakukan bagi memastikan sektor pendidikan mampu melahirkan pelajar cemerlang hingga ke peringkat global.

sebagai usaha melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara global, berakhlaq baik serta bertanggungjawab.

"Dalam tempoh sasaran ditetapkan selama 15 tahun, diharap negara mampu melahirkan pelajar yang mempunyai daya saing tinggi supaya boleh bersaing di persada dunia antarabangsa," katanya.

Sistem pendidikan negara juga, katanya, mampu berdiri setanding negara maju seperti Finland, sekali gus meningkatkan lagi kualiti pendidikan sedia ada ke tahap terbaik.

"Pelbagai aspek akan diperbaiki dari semasa ke semasa bagi mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan sedia ada. Ini membantu melonjak keupayaan negara untuk setanding negara maju dalam sektor pendidikan," katanya.

Kajian Semula Pendidikan yang akan dilancarkan esok antara mekanisme serta transformasi kerajaan bagi melonjakkan lagi pencapaian sektor pendidikan negara ke tahap paling membanggakan.

Ini juga bagi menjadikan sektor berkenaan berdaya

saing dengan pelbagai visi dan aspirasi baru bagi menjadikan sistem pendidikan lebih kompetitif dan mencapai standard global.

Antara objektif Kajian Semula Pendidikan adalah untuk memahami isu dan cabaran, menjelaskan visi dan aspirasi baru untuk sistem pendidikan negara pada masa depan juga mencetuskan transformasi bagi meningkatkan standard serta merapatkan jurang pencapaian.

Pelan ini adalah inklusif dan kolektif merangkumi suara rakyat dengan 156 memorandum, 20 meja bulat, 16 dewan terbuka, 14 negeri dan lima forum murid selain syor daripada 7,757 guru, 2,117 ahli persatuan ibu bapa dan guru dan 1,853 orang awam.

Dijangka menerusi kajian semula itu, sistem pendidikan negara akan berupaya melonjakkan lagi prestasi pencapaian sedia ada menjelang tempoh sasaran pada 2025 dengan keupayaan melahirkan pelajar berkhasiat pendidikan dengan nilai pengalaman selain merapatkan pencapaian jurang yang wujud masa kini.

Diharapkan menjelang tempoh itu, setiap pelajar akan mempunyai kemampuan untuk melaksanakan pelbagai kemahiran seperti kepemimpinan, berpengetahuan, beridentiti nasional juga menguasai bahasa.

Malah, profesionalisme guru juga diharap mampu dilonjakkan ke tahap optimum menerusi pelaksanaan suntikan pakej baru dalam kerjaya berkenaan manakala bagi institusi sekolah dapat menganjak pencapaian sedia ada ke tahap lebih baik dengan kadar segera.

Naib Canselor UKM, Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin yang juga ahli panel Dialog Nasional Pendidikan Negara (Panel Bebas) juga berpendapat, usaha penambahbaikan yang dilakukan menerusi Kajian Semula Pendidikan itu tepat pada masanya demi kegemilangan dunia pendidikan negara pada masa depan.

"Penambahbaikan ini demi kebaikan bersama terutama dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara ke tahap global."

"Ia dilaksanakan dengan sokongan pendapat semua dan manfaatnya juga akan dapat dinikmati dengan menyeluruh," katanya.

Perluas BM, perkasa BI

BEBERAPA pihak juga ada mengajukan permintaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berkaitan isu pendidikan semasa.

Antaranya Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) - yang meminta agar penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan diperluaskan penggunaannya di seluruh negara termasuk di sektor awam dan swasta.

Sebagai reaksi balas, KPM berkata, mereka sangat komited dalam melaksanakan tanggungjawab itu dengan melaksanakan pelbagai usaha bersepada bagi memastikan bahasa Melayu terus menjadi Bahasa Kebangsaan, antaranya melalui

Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan.

Bagi memperkuatkan bahasa Inggeris pula sebagai bahasa global, pelbagai strategi rancak dirancang seperti mengambil penutur jati dari luar negara selain mengambil guru kontrak bahasa Inggeris untuk tujuan itu.

Tamil Foundation Malaysia pula meminta agar dilaksanakan penilaian kadar keciran di kalangan pelajar India kerana kualiti pembelajaran yang dinikmati berbanding sekolah lain.

KPM berkata, semua sekolah sama ada kebangsaan atau jenis kebangsaan sentiasa memperoleh peruntukan sama rata tanpa diskriminasi kerana tujuan utama adalah memastikan semua

pelajar memperoleh pendidikan saksama.

Permintaan Dong Jiao Zong pula meminta supaya penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diperluaskan ke sekolah jenis kebangsaan Cina bagi memberi pendedahan lebih mendalam kepada pelajar sekolah aliran berkenaan.

Menyedari kepentingan ICT sebagai satu mekanisme global, KPM berkata, penggunaan ICT sudah menjadi satu keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah tanpa mengira sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan.

Selain itu, pelbagai program menarik berbentuk ICT diperkenalkan seperti 1BestariNet, juga pengenalan perisian bahan pembelajaran ICT turut diguna pakai.



'Berikan guru kepercayaan'

USAHA dan komitmen kerajaan melalui Kajian Semula Pendidikan turut mendapat reaksi positif daripada kangan ahli akademik.

Ketua Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Ahmad Sohaimi Lazim berkata, ini membuktikan keprihatinan kerajaan memartabatkan sektor pendidikan negara terutama dalam melahirkan guru yang mempunyai prestasi kerja mantap dan cemerlang.

Beliau berkata, meskipun tumpuan lebih kepada pelajar, peranan guru sebagai pemangkin terpenting terhadap pembangunan sahsiah diri pelajar perlu diselaraskan untuk impak jangka panjang.

"Sebagai antara mekanisme terpenting dalam usaha melonjakkan lagi pencapaian pelajar, guru perlu diberi akses mengaplikasikan apa jua ilmu mahupun kemahiran tanpa sekat, selain sedikit ruang untuk melaksanakan

undang-undang.

"Berikan guru kepercayaan bukan saja bagi tujuan mengajar, malah mendidik untuk menyampaikan pengetahuan. Melalui pendidikan inilah hasrat melahirkan pelajar cemerlang dalam semua aspek akan tercapai," katanya.

Guru juga perlu melakukan anjakan paradigma bagi memastikan hasrat membina sistem pendidikan menyeluruh tercapai.

"Pembinaan sahsiah pelajar yang baik adalah lambang kejayaan guru dalam mendidik. Justeru, guru juga perlu akur untuk memberikan sepenuh tanggungjawab sewaktu menjalankan tugas.

"Kajian Semula Pendidikan ini juga satu komitmen untuk mengangkat dan memartabatkan bidang perguruan supaya lebih diminati, sekali gus merencanakan usaha melahirkan pelajar cemerlang global dengan hasil didikan guru," katanya.

Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Ab Rahim Bakar berkata, kajian berkenaan perlu dilakukan sejak dulu untuk menyemak semula sistem pendidikan sedia ada.

Menurutnya, permintaan tinggi terhadap pelajar berkelebihan global menjadikan sistem pendidikan juga perlu berubah selaras dengan pembangunan pesat negara dan dunia.

"Untuk melahirkan pelajar bertaraf global, pelbagai aspek penting perlu ditekankan supaya mereka mempunyai keupayaan untuk bersaing di mana-mana saja selain memberi sumbangan kepada pembangunan negara."

"Pada sama membentuk pemikiran luas untuk menilai dengan bijak pada sudut pandangan sendiri selain melahirkan warganegara berakhhlak mulia."

"Cabaran merealisasikannya bukan mudah, namun jika kita mampu fokus sepenuhnya pada pembangunan pelajar dan pendidikan tanpa prejedis, apa yang disasarkan pasti tercapai," katanya.